

AWQAF HOLDINGS BHD

PENYATA KORPORAT 2017



Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Di kesempatan ini, bagi pihak Awqaf Holdings Bhd (AWQAF), kami merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali bin Hashim, Pengasas dan Pengerusi AWQAF Holdings Berhad (2014 – 2017) atas kembalinya beliau ke Rahmatullah pada 31 Oktober 2017. Sesungguhnya, pemergian beliau merupakan satu kehilangan besar khasnya buat organisasi AWQAF dan bagi seluruh umat Islam amnya. Jasa dan sumbangan beliau dalam memartabatkan ekonomi Islam dan merealisasikan agenda Waqaf Korporat® amat besar dan akan sentiasa dikenang dan dihargai. Semoga perjuangan beliau ini terus disambut dan disambung oleh generasi kini dan akan datang, serta memberi sepenuh kepercayaan kepada AWQAF dalam mendokong agenda Waqaf Korporat® sebagai satu institusi yang pada jangka panjang, insya Allah, akan dapat membantu menyelamatkan harta dan aset milik umat.

Dalam pada itu, kami mengalu-alukan pelantikan Pengerusi AWQAF yang baru iaitu Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir pada 30 November 2017, yang juga merupakan salah seorang daripada barisan Pengarah AWQAF sebelum ini. Pengalaman dan ilmu beliau dalam memimpin syarikat-syarikat korporat berjaya akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh AWQAF. Semoga dengan perlantikan teraju baru ini, beliau akan terus membawa AWQAF ke satu aras kecemerlangan baru bagi memartabatkan agenda Waqaf Korporat® bagi umat Islam.

Disamping itu juga, kami mengalu-alukan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang baru iaitu Puan Sri Noorzilah Mohamed Ali. Semoga beliau dapat memberi buah fikiran dan idea segar bagi membawa AWQAF ke satu tingkat yang lebih tinggi bagi manfaat umat Islam.

Alhamdulillah, kami memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, AWQAF telah berjaya mencatat beberapa pencapaian baru seperti yang terkandung dalam Laporan Tahunan bagi Tahun Kewangan 2017.

Sesungguhnya, menerusi penerbitan Kenyataan Korporat 2017 ini, sekali lagi, tercapailah hasrat Awqaf Holdings Bhd untuk sentiasa bertindak dengan terbuka, tulus dan telus, menyampaikan segala maklumat berkaitan AWQAF dan perkhidmatannya. Ketelusan ini penting bukan sahaja bagi Ahli-Ahli AWQAF dan semua pewakaf dan pelabur di dalam projek AWQAF, malahan juga kepada badan seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan selaku pihak berautoriti yang mentauliahkan status Mutawalli kepada Awqaf Holdings Bhd atas dasar AWQAF sebagai sebuah institusi "Waqaf Korporat®".

Ketelusan dan maklumat lengkap juga wajib disampaikan kepada masyarakat amnya, supaya masyarakat sendiri dapat menilai prestasi, mengukur pencapaian atau sebaliknya, selain memahami aspirasi dan matlamat perjuangan AWQAF. Masyarakat harus meyakini bahawa kaedah pengurusan AWQAF berupaya melindungi kepentingan jangka panjang masyarakat amnya dan umat Islam Malaysia khususnya.

ARAS PENCAPAIAN WAKAF DAN KEAHLIAN BARU

Alhamdulillah, sejak penubuhannya, pelbagai aktiviti telah AWQAF jalankan bagi memberi pencerahan berkenaan Waqaf Korporat®, termasuk pendedahan dan pendidikan serta dakwah berterusan berhubung manfaat Waqaf Korporat® kepada masyarakat khususnya dan potensi impak besarnya kepada ekonomi negara secara amnya. Kesedaran dan pengetahuan masyarakat telah diterjemahkan dengan penerimaan dana wakaf terkumpul pada akhir Tahun Kewangan 2017 berjumlah RM4.73 juta dengan jumlah ahli pewakaf seramai 706 orang.

Alhamdulillah, penyertaan Yayasan Iqra' dan Yayasan al-Bukhari sebagai Ahli Zamrud dan Ahli Balatin AWQAF juga telah menyuntik nafas dan tenaga baru yang kini disinergikan secara berpasukan supaya dapat menyumbang manfaat secara lebih meluas lagi kepada masyarakat, selain menguatkan lagi azam AWQAF untuk meneruskan perjuangan menjayakan institusi Waqaf Korporat®.

Program-program pemacuan keahlian (*membership drive*) dengan kerjasama Yayasan Iqra' dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), telah dilaksanakan melalui program "Mahabbah 10" sebanyak 7 siri sepanjang tahun 2017. Forum antarabangsa Higher Education Forum (HEF) 2018: Islamic Economies @IR4.0 – Waqf Revival, dan juga program MyWaqf bersama warga kerja KPT telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dari segi sumbangan dan jumlah keahlian.

Sehingga 31 Mei 2018, jumlah keseluruhan dana wakaf yang terkumpul adalah sebanyak RM12.29 juta yang terdiri daripada dana Wakaf Keahlian, Tabung ZuriatCARE dan Wakaf Am. Seramai 2,947 individu dan syarikat telah mendaftar sebagai ahli yang terdiri daripada beberapa jenis keahlian AWQAF mengikut kategori masing-masing. Bagi pihak AWQAF, kami bersyukur dan berterima kasih di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan terutama oleh ahli-ahli baru dalam menjayakan himpunan dana wakaf tersebut.

Sumbangan-sumbangan ini juga disokong dengan strategi media dan promosi bagi meningkatkan lagi imej AWQAF di mata masyarakat, seterusnya mendapat kepercayaan serta sokongan untuk meneruskan agendanya.

STRATEGI KORPORAT AWQAF

Bagi memanfaatkan sepenuhnya himpunan dana wakaf ini, pihak AWQAF telah melabur dalam industri hartanah dengan pembelian 2.2 ekar tanah di Presint 3 Putrajaya. Pada 26 March, 2015, AWQAF telah menandatangani satu Perjanjian pembelian tanah bersama Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH), yang sekali gus menandakan komitmen AWQAF membangunkan projek pertamanya di Putrajaya. Berdasarkan perjanjian tersebut, AWQAF segera bertindak meletakkan asas

pelaburannya ke dalam projek pembangunan hartanah komersil pertamanya, iaitu PERSADA AWQAF.

Projek ini terletak di lokasi strategik iaitu di pusat komersil utama Putrajaya berhadapan Masjid Tuanku Mizan Putrajaya. Projek ini dijangka akan membabitkan nilai kasar pembangunan (GDV) terkini berjumlah RM432 juta dan turut membuka peluang kepada orang ramai melabur dengan membeli premis komersil di Pusat Komersil (*Central Business District*) Putrajaya. Ia merupakan satu pelaburan strategik di mana aset-aset itu akan meningkat nilainya dalam satu tempoh tertentu dari masa ke semasa.

Bagi merealisasikan projek tersebut, AWQAF tidak bergantung sepenuhnya dengan dana wakaf yang dikutip, tetapi AWQAF telah berusaha memohon pembiayaan melalui beberapa institusi kewangan dan agensi kerajaan yang berkaitan, antaranya Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat, RHB Islamic Bank Berhad, Maybank Islamic Bank Berhad, AmBank (M) Berhad dan Lembaga Tabung Haji melalui TH Properties Sdn Bhd. Namun begitu, inisiatif pembiayaan ini tidak dapat diteruskan atas sebab-sebab yang di antaranya, pihak pembiaya mempunyai polisi yang ketat untuk membiayai pasaran hartanah komersial pada waktu permohonan dilakukan dan ini merupakan projek pertama yang dikendalikan oleh AWQAF Holdings Berhad.

Walaupun bagaimanapun, usaha terkini pembiayaan yang sedang dilaksanakan oleh AWQAF adalah bersama pihak MBSB Bank, setelah dinaiktaraf kepada sebuah bank, menampakkan hasil yang positif. Pihak AWQAF telah menerima tawaran pembiayaan indikatif sebanyak RM133 juta dari pihak MBSB Bank. Terma dan syarat indikatif telah diberikan untuk penilaian awal pihak AWQAF. AWQAF amat positif dengan perkembangan proses pembiayaan bersama MBSB yang sedang berada diperingkat akhir untuk dimuktamadkan.

Dari segi proses pembangunan projek, AWQAF telah berjaya memperoleh semua kelulusan pembangunan dari jabatan-jabatan yang berkaitan. AWQAF boleh memulakan kerja-kerja pembinaan PERSADA AWQAF seurus selesai proses pembiayaan bersama pihak MBSB Bank yang dijangkakan bermula dalam bulan September 2018.

PROGRAM ZURIATCARE

Tabung ZuriatCARE yang telah ditubuhkan pada Jun 2015 dan dipertanggungjawab mengendalikan program amal fi sabilillah, yang juga salah satu dari Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan keturunan. Sehingga April 2018, jumlah sumbangan ZuriatCARE adalah sebanyak RM275,10.00.

ZuriatCARE di bawah pimpinan Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir sendiri sehingga November 2017, telah disambung dengan perlantikan Pengerusi ZuriatCARE yang baru iaitu Puan Alia bt. Muhammad Ali, telah pun bertindak bekerjasama rapat dan memberi sokongan kepada NGO yang aktif dalam melindungi kepentingan zuriat keturunan.

Dana ini telah digunapakai untuk memberi sumbangan kepada beberapa NGO yang aktif melindungi remaja wanita, terutama yang terlibat dengan masalah anak tidak sah taraf. Selain itu, melalui Dana Tabung ZuriatCARE ini juga beberapa forum dan program kesedaran dianjurkan dalam usaha untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan gejala sosial ini yang merosakkan.

Seperti yang sedia maklum, salah satu ciri asas Waqaf Korporat® adalah menghimpun dan memelihara sumber (*accumulate & conserve resources*) yang mana ianya dilaksanakan melalui pembahagian keuntungan bersih perniagaan kepada dua bahagian; iaitu 70 peratus daripada keuntungan dilaburkan semula dan 30 peratus disalurkan kepada aktiviti fi sabilillah. Dengan adanya prospek keuntungan daripada pelaburan projek PERSADA AWQAF sumber dana untuk Tabung ZuriatCARE dijangka akan meningkat, sekali gus berpotensi memperluaskan impak program fi sabilillah AWQAF untuk manfaat masyarakat.

Sepanjang Tahun Kewangan 2017-2018 beberapa aktiviti kebajikan ZuriatCARE telah dilaksanakan. ZuriatCARE telah membuat lawatan ke ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Sabak Bernam Selangor, Hari ZuriatCARE@FSSK di Auditorium Siswa, UKM Bangi Selangor, Forum - **Sex Education: Yay or Nay**. Satu Majlis Menandatangani Surat Hasrat diantara UKM dan AWQAF telah diadakan diantara Dekan FSSK iaitu YBhg. Prof. Dr. Mohd Fuad Mat Jali bersama dengan

Ketua Pegawai Kewangan AWQAF pada waktu itu iaitu Encik Hafidzamzahry Othman.

AWQAF dan ZuriatCARE telah bekerjasama dengan FSSK Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi telah mengadakan program “FSSK Run for ZuriatCARE” dengan membawa tema ***‘Run to Reach Out Today, Impacting Tomorrow’*** pada **10 Disember 2017** (Ahad). Penyertaan larian melibatkan warga UKM sendiri serta orang awam. Acara larian ini telah dirasmikan (*flag off*) oleh YB Dato’ Seri Idris Bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi pada masa itu bersama Tan Sri Siti Sa’diah Binti Sheikh Bakir, Pengerusi AWQAF.

Program – program ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, mendidik dan berkongsi maklumat bersama dengan masyarakat, pelajar-pelajar sekolah, anak-anak muda khususnya pelajar universiti dalam memimpin mereka mengenai cara bagaimana menyumbang dan mengatasi isu-isu sosial yang membimbangkan. Secara keseluruhan, maklum balas yang baik serta menggalakkan telah diterima daripada peserta yang terlibat. ZuriatCARE berhasrat untuk meneruskan program ini pada masa akan datang, bagi memastikan program kesedaran seperti ini disampaikan secara berterusan kepada masyarakat secara menyeluruh.

MELANGKAH KEHADAPAN 2018/19

Sepanjang Tahun Kewangan 2017-18, selain meneruskan kempen kesedaran dan pendidikan tentang manfaat dan implikasi wakaf, aktiviti AWQAF lebih ditumpukan kepada pembangunan PERSADA AWQAF. Sehubungan itu kerjasama dengan pihak pengurusan dan pemasaran projek, para arkitek, juru-ukur tanah dan bahan, jurutera mekanikal, elektrik dan infrastruktur, perancang bandar dan rakan strategik berjaya menghasilkan perolehan Kelulusan Pembangunan PERSADA AWQAF daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Kami mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada semua konsultan, khususnya Mekar PDP Sdn Bhd selaku Rakan Pembangunan Projek (*Project*

Development Partner) yang bertanggungjawab mengurus semua aspek pembangunan/pemasaran PERSADA AWQAF.

Sepanjang 2017-2018 juga, AWQAF akan terus aktif dalam menjayakan program perkongsian ilmu dan kempen kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat berkenaan Waqaf Korporat®. Satu modul kesedaran Waqaf Korporat® akan dibangunkan dan dilaksanakan melalui saluran yang efektif dalam menyampaikan informasi, antaranya termasuk beberapa sesi penerangan Waqaf Korporat® kepada institusi-institusi korporat, agensi kerajaan dan institusi ilmiah dan pendidikan.

Pelan bagi meningkatkan hubungan komunikasi antara AWQAF dan para ahli juga telah dilaksanakan secara berperingkat. Website AWQAF, www.awqaf.com.my juga telah digerakkan dan website portal MyWaqf yang telah dibangunkan, turut memudahkan pengurusan pendaftaran ahli secara atas talian, selain memangkinkan semua urusan sumbangan wakaf yuran ahli dan sumbangan wakaf tunai lainnya, termasuk sumbangan kepada Tabung khas ZuriatCARE, dapat dikendalikan atas talian. Satu bentuk komunikasi kemaskini (*update*) secara berjadual melalui aplikasi Whatsapp juga sedang berjalan selain dari kemaskini komunikasi melalui media sosial Facebook.

PROGRAM EDUWAQF

Selain dari Tabung Khas ZuriatCARE, Ahli Lembaga Pengarah AWQAF telah bersetuju untuk menubuhkan satu lagi Tabung khas yang dinamakan EduWAQF pada Februari 2018. Tujuan penubuhan tabung khas ini bagi memberi bantuan bagi pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan peringkat pendidikan tinggi yang kurang berkeupayaan dari segi kewangan. Tujuan EduWAQF juga tidak lari dari salah satu tujuan Maqasid Syariah yang telah digariskan oleh Islam iaitu pemeliharaan akal.

Tabung ini telah dirancang untuk dilancarkan pada Mesyuarat Agung Tahunan AWQAF 2018 ini. Satu jawatankuasa Tabung khas EduWAQF telah ditubuhkan bagi merancang dan melaksanakan segala aktiviti-aktiviti yang berkaitan bantuan pendidikan agar segala bentuk sumbangan dan keuntungan yang disalurkan ke

dalam tabung khas ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh umat Islam yang memerlukan.

PENGHARGAAN & PENUTUP

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami mencatatkan setinggi penghargaan khas kepada ahli-ahli pengasas AWQAF serta semua Ahli AWQAF di atas keyakinan dan kepercayaan terhadap konsep institusi Waqaf Korporat® serta sokongan awal mereka terhadap penubuhan AWQAF. Tanpa keyakinan dan kepercayaan awal semua pengasas dan Ahli AWQAF adalah mustahil penubuhan AWQAF dapat direalisasikan sehingga mendapat pengiktirafan sewajarnya, termasuk di peringkat antarabangsa.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada ahli-ahli lembaga pengarah yang telah banyak berjasa memerah idea dan keringkat khasnya Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, En. Abdul Mohsein Moh Shariff, Pn. Azizah Abdul Rahman, Datuk Dr. Mohd Ghazali Md. Noor, Puan Sri Noorzilah Mohammed Ali dan Setiuasaha Syarikat, Puan Norhana Ramli dalam memartabatkan agenda Waqaf Korporat dan AWQAF Holdings Berhad ke peringkat yang lebih tinggi.

Penghargaan juga perlu kami tujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja AWQAF atas dedikasi mereka terhadap usaha mengembangkan agenda Waqaf Korporat®. Sumbangan besar mereka telah memangkinkan AWQAF berjaya mengatasi segala cabaran, halangan dan rintangan, terutama yang sangat mencabar di peringkat awal penubuhannya. Semoga AWQAF akan terus berada di atas landasan yang tepat ke arah pencapaian yang lebih gemilang, insya Allah.

Akhirnya setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli AWQAF di Malaysia dan Antarabangsa, di atas sumbangan, kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada AWQAF dalam memperjuangkan Jihad Bisnes dan agenda Waqaf Korporat®. Kami yakin sokongan padu yang diberikan oleh semua Ahli, juga anggota masyarakat amnya disertai iringan doa restu semua, akan memberi kekuatan dan suntikan semangat baru kepada pengurusan AWQAF untuk meneruskan perjuangan.

AWQAF akan memastikan bahawa harta wakaf yang diuruskan dapat menjana hasil dan pendapatan baru dari masa ke semasa. Hasil daripada wakaf itu diharapkan dapat terus berkembang dalam skala yang lebih besar dan dapat dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam khususnya di Malaysia dan umumnya di seluruh dunia.

Kami mengharapkan agar seluruh warga kerja AWQAF dapat memberikan komitmen yang terbaik dan bekerja dalam satu pasukan profesional yang dinamis dan proaktif bagi memastikan AWQAF menjadi salah satu institusi yang bergerak maju dan berdaya saing, memperkasa ekonomi negara dan umat.

Percayalah, kejayaan jangka panjang AWQAF dalam usaha melindungi dan menyelamatkan aset dan harta milik negara dan umat daripada terlepas kepada milik asing, sekali gus menegakkan keadilan, amat besar makna dan pengertiannya kepada seluruh perjuangan untuk menebus maruah bangsa dan negara serta memartabatkan semula umat Islam dengan memperkasa ekonomi mereka, menegakkan keadilan ekonomi di Malaysia yang telah dirosakkan oleh kerakusan ekstrem dan kezaliman sistem kapitalis global. Marilah kita terus bersama-sama meningkatkan dana waqaf untuk kepentingan dan kebajikan ummah.

Bagi pihak Lembaga Pengarah Awqaf Holdings Bhd,



TAN SRI SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR
Pengerusi AWQAF



MOHAMMAD SAHAR MAT DIN
Timbalan Pengerusi AWQAF